

Kota Bharu: Agrobank, peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan berasaskan perantaraan nilai di negara ini, terus memperkasakan penggunaan teknologi bioflok dalam sektor akuakultur dengan pembabitatan pelajar Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Menerusi program *Aquaculture Aspire Agrobank* yang diperkenalkan tahun lalu, 10 sekolah di Semenanjung Malaysia menerima sumbangan set teknologi bioflok dengan anggaran kos antara RM14,000 hingga RM15,000, bergantung kepada keperluan tambahan seperti sistem teknologi Internet Kebendaan (IoT) Sistem Pemantauan Tekanan Udara.

Sekolah yang terbabit adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Kukup, Pontian (Johor); SMK Sri Perpatih, Gemas

10 sekolah terpilih guna teknologi bioflok dalam projek akuakultur

HM 11/3/25 PG 23

(Negeri Sembilan); SMK Nyalas, Jasin (Melaka); SMK Jalan Kebun, Shah Alam (Selangor); Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kuantan (Pahang); SMK Meranti, Pasir Mas (Kelantan); SMK Renek, Jerteh (Terengganu); Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok (Kedah); SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan (Perak); dan SMK Syed Ahmad, Kangar (Perlis).

Pengetua SMK Meranti Mohammad Razuki Derahman berkata, program ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar PPKI menimba ilmu, malah memberikan pengalaman berharga dalam me-

nguruskan ekosistem akuakultur.

"Projek ini sangat bermanfaat kerana pelajar dapat terbabit secara langsung dalam penyelenggaraan sistem akuakultur, termasuk

memberi makan ikan, memantau kualiti air, kadar oksigen, suhu, serta menjaga persekitaran sesuai untuk pembiakan dan pertumbuhan organisma

akuatik. "Selain itu, teknologi ini juga mengurangkan penggunaan air dalam sistem ternakan serta meningkatkan kualiti air bagi pembiakan ikan tilapia," katanya, baru-baru ini.

Menurutnya pelajar te-

ruja kerana berpeluang meneroka ilmu baharu dalam bidang akuakultur, termasuk memberi makanan kepada ikan tilapia dua kali sehari serta memantau kualiti air dalam kolam ternakan.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program ini sebahagian inisiatif tanggungjawab sosial korporat Agrobank untuk mendidik serta menyemai kemahiran teknologi bioflok dalam kalangan pelajar selain membantu menjana pendapatan sekolah melalui penjualan hasil ikan.

"Untuk jangka panjang, Agrobank sasarkan 10 lagi sekolah terima teknologi bioflok bagi penternakan ikan tilapia pada tahun ini," katanya. - Bernama

Teknologi ini mengurangkan penggunaan air dalam sistem ternakan
Razuki